

Headline	Buluh betung Linggi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	01 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	11to13	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	2334 cm ²
Journalist	Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA	AdValue	RM 29,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,769



JURNAL
Impresi Kehidupan

KOSMO AHAD 1 JUN 2014

Buluh betung Linggi



16 Kuasa terapi kematian
51 Ditipu lelaki kaki kikis

Headline	Buluh betung Linggi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	01 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	11to13	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	2334 cm ²
Journalist	Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA	AdValue	RM 29,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,769



JURNAL

KOSMO Ahad 1 Jun 2014

Rasa manis buluh betung pikat panda

BULUH betung yang menjadi kegemaran pasangan panda gergasi ditanam di kawasan seluas 8 hektar di Kampung Kundur Hulu, Linggi, Negeri Sembilan.

Pasangan panda gergasi dari China gemar makan buluh betung yang dibawa khas dari Linggi, Negeri Sembilan.



PADA 21 Mei lalu, satu peristiwa bersejarah dirakam apabila negara menerima pasangan beruang panda gergasi dari Dujiangyan, Chengdu, China iaitu Fu Wa (jantan) dan Feng Yi (betina).

Haiwan unik itu dipinjamkan kepada Malaysia selama 10 tahun menerusi Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi yang ditandatangani pada Jun 2012.

Melalui perjanjian berkenaan, Malaysia menjadi antara 22 negara yang diberi penghormatan untuk menerima panda daripada negara tembok besar itu sebagai simbol keakraban selain memperingati ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara

Headline	Buluh betung Linggi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	01 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	11to13	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	2334 cm ²
Journalist	Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA	AdValue	RM 29,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,769

dua negara yang terjalin secara rasmi sejak 31 Mei 1974.

Pasangan panda yang dilahirkan pada 23 Ogos 2006 di Pusat Pemuliharaan Panda Gergasi Wolong di wilayah Sichuan itu kini ditempatkan di Zoo Negara, Hulu Klang, Selangor.

Haiwan itu diletakkan di bawah pengawasan seorang doktor dari China, tiga doktor dan enam penjaga tempatan yang sudah menjalani latihan di Thailand, Singapura dan Hong Kong, sejak setahun lalu.

Menurut Pengarah Zoologi dan Veterinar, Pusat Konservasi Panda Zoo Negara, Dr. Mat Naim Ramli, pasangan panda itu berada dalam keadaan baik dan sudah menunjukkan tanda selesa berada di zoo berkenaan.

"Feng Yi dan Fu Wa tidak meragam atau mendatangkan banyak masalah, kedua-duanya kini amat gemar makan buluh jenis betung yang dibawakan khas dari Linggi, Negeri Sembilan," jelasnya.

Pasangan panda itu dilihat menggemari buluh betung dari Linggi atau nama saintifiknya *Dendrocalamus asper* berbanding tiga jenis buluh lain yang dikenalkan kepadanya.

Tiga buluh lain itu talali buluh madu yang ditanam di Lanchang,

Pahang; buluh pagar (Paya Indah, Wetlands, Selangor) dan buluh galah (Bagan Datoh, Perak).

Buluh betung

Buluh betung boleh dijumpai dalam bentuk rumpun dan tunggal serta tumbuh subur di hutan lembap tropika.

Mat Naim berkata, pasangan panda itu diberikan keempat-empat jenis buluh tersebut sebagai makanan tetapi setakat ini, kedua-duanya lebih gemar memakan buluh betung.

"Kami memberi pasangan panda ini makan lapan kali sehari setiap dua jam, enam kali makan buluh betung dan dua kali buluh dari China," katanya.

Ujarnya, batang buluh dipotong kecil bagi memudahkan panda tersebut makan.

Pasangan panda gergasi itu memerlukan kira-kira 20 hingga 25 kilogram (kg) buluh sehari sebagai makanan utama dan kek

buluh, yang diproses daripada tepong habuk tumbuhan itu.

Bagi memastikan kesihatan Fu Wa dan Feng Yi berada pada tahap baik, makanan lain seperti rebung, buah epal dan lobak merah turut dijadikan sebagai makanan tambahan.

Buluh yang menjadi makanan utama beruang panda tersebut turut ditanam di kompleks haiwan berkenaan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada awal tahun 2013 lagi bagi memastikan bekalan makanan mencukupi untuk menampung keperluan sepangjang 10 tahun ia berada di negara ini.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd Latif Mohmod, berkata pihaknya mengenal pasti enam spesies buluh tempatan iaitu buluh pagar (*Bambusa multiplex*), buluh betung (*Dendrocalamus asper*), buluh siam (*Thysostachys siamensis*), buluh botol (*Bambusa erinacea*), buluh galah (*Bambusa heterostachya*) dan buluh madu (*Gigantochloa albociliata*), yang boleh dijadikan sumber makanan haiwan itu.

Abd. Latif berkata, buluh yang diberi makan kepada panda gergasi biasanya berusia antara 18 hingga 24 bulan kerana berkanji dan mengenyangkan haiwan itu.

Katanya, panda gergasi lebih suka makan buluh yang manis dan lembut.

"Semua bahagian buluh seperti daun, batang dan ranting dibersirikan kepada haiwan berkenaan. Namun, ia tidak semestinya da-

lam keadaan buluh segar.

"Sebaliknya ada yang akan diproses menjadi biskut dan kek untuk memberi kelainan kepada haiwan itu supaya tidak jemu," katanya.

Rebung

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Kanan Cawangan Pengurusan Hutan Ladang, Bahagian Bioteknologi FRIM, Abd. Razak Othman berkata, buluh betung menjadi kegemaran pasangan panda gergasi itu disebabkan rasanya yang manis.

"Buluh betung ini ditanam mengikut kaedah keratan tampang yang menggunakan bahagian akar, dahan dan batang."

"Malah, buluh betung ini juga mempunyai saiz yang lebih besar berbanding jenis buluh yang lain."

"Berat kasar bagi sebatang pokok buluh betung yang sudah matang boleh mencecah hingga 60kg," jelasnya sambil membe-

ritahu, buluh betung boleh mencapai ketinggian 20 meter.

Tambah Abd. Razak, buluh betung yang menjadi kegemaran panda gergasi itu ditanam di kawasan seluas 8 hektar di Kampung Kundur Hulu, Linggi.

"Antara keistimewaan buluh betung ini ialah dapat menghasilkan rebung yang berkualiti."

"Selain itu, ia juga boleh digunakan untuk tujuan pembinaan seperti perabot dan lantai."

"Hampir 10 rebung baharu boleh dihasilkan daripada sebatang buluh dalam tempoh setahun malah jangka hayat buluh juga boleh menjangkau sehingga 50 tahun," ujarnya yang berpengalaman selama 28 tahun dalam bidang tersebut.

Katanya, selain daun yang bersaiz besar, buluh betung juga mempunyai miang berwarna coklat yang jelas kelihatan pada awal pertumbuhannya.

"Miang berwarna coklat ini akan hilang apabila buluh tersebut mencapai usia setahun setengah dan mempunyai akar pada bahagian ruasnya," tambahnya.

Pembinaan kompleks panda di Zoo Negara yang bernilai RM25 juta itu membabitkan kos RM20 juta untuk tempoh sewaan se-

lama empat tahun dan RM15 juta untuk kos penyelenggaraan.

Kompleks seluas 6,000 meter persegi itu merangkumi tiga ruang pameran utama iaitu ruang untuk bayi panda, ruang untuk panda jantan dan betina.

Bumbung berbentuk tiga dimensi daripada kaca dengan ketebalan 13.75mm dibina di kompleks terbabit bagi membolehkan cahaya matahari masuk terus ke ruang pameran secara semula jadi bagi menjimatkan penggunaan tenaga.

Kompleks tercanggih

Ruang pameran dihiasi landskap semula jadi seperti pokok buluh asli, rumput, air terjun buatan, taman batu buatan dan tangga yang diperbuat daripada buluh untuk aktiviti memanjat.

Bagi memastikan kesegaran landskap, sebanyak 48 buah lampu dipasang di sekeliling ruang kompleks terbabit bagi membantu proses fotosintesis supaya menyelarai fungsi matahari.

Malah, kompleks tersebut sudah menjalani percubaan operasi dan fungsi selepas siap sepenuh-

Headline	Buluh betung Linggi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	01 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	11to13	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	2334 cm ²
Journalist	Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA	AdValue	RM 29,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,769

nya, khususnya dari segi kawalan suhu pada kadar antara 15 hingga 24 darjah Celsius, mengikut kesesuaian habitat panda.

Ini menjadikan kompleks terbabit lebih istimewa dan canggih, berbanding penempatan panda yang terletak di negara lain termasuk Thailand, Hong Kong dan Singapura, selain teknologi tangki tuaian air hujan bagi menjamin penggunaan air.

Ruang tinjau yang ditempatkan di tingkat satu di sekeliling ruang

pameran utama membolehkan pengunjung melihat teletah kedua-dua panda ini secara lebih dekat.

Kompleks terbabit turut memuatkan lima bilik kurungan dan bilik senaman diperbuat daripada keluli tahan karat yang dilengkapi pendingin hawa dan katil.

Kemudahan lain seperti bilik penyediaan makanan, bilik penyimpanan makanan, makmal, klinik veterinar dengan ruang X-ray, bilik penyimpanan buluh untuk makanan panda, bilik inkubator, dan bilik pemantauan

keselamatan 24 jam yang dilengkapi tiga skrin turut ditempatkan di kompleks ini.

Pasangan panda berkenna dijangka dipertontonkan kepada orang ramai di Zoo Negara pada hujung Jun ini dengan kadar bayaian masuk sebanyak RM20 bagi dewasa, RM10 (kanak-kanak) dan tambahan RM5 untuk pelancong asing.

EKSTRA Buluh

- Buluh yang menjadi makanan panda di habitat asal dikenali sebagai buluh wolong atau nama saintifik, *Fargesia robusta*.

- Ia digunakan sebagai medium penulisan sejak Dinasti Han malah turut digunakan untuk tujuan perubatan tradisional di China.

- Di Jepun, daun buluh tersebut digunakan bagi

merawat penyakit kencing kotor.

- Di Malaysia, dianggarkan terdapat 59 spesies buluh di Semenanjung Malaysia.

- Antara kegunaan dan produk yang dihasilkan daripada buluh ialah kayu penyepit, perabot, peralatan muzik dan pencungkil gigi.

- Selain itu, buluh juga dijadikan galah, bingkai gambar, pencucuk sate, bahan anyaman, bidai dan kraf tangan.

- Selain panda gergasi, buluh turut menjadi sumber makanan utama bagi haiwan seperti gorila.

EKSTRA Beruang panda

Jenis: Mammalia

Spesies: Omnivor

Habitat: Pergunungan Himalaya dan China Tengah

Purata jangka hayat: 20 hingga 35 tahun

Purata ketinggian: 1.2 hingga 1.5 meter

Purata berat: 136 kilogram

Keupayaan memanjat: 3,962 meter

Warna: Hitam putih

- Dijadikan hadiah dan simbol diplomatik China sejak Dinasti Tang.

- Selain Malaysia, sebanyak 47 ekor panda kini berada di 18 buah zoo di 13 buah negara iaitu di Amerika Syarikat, Kanada, Mexico, Scotland, Austria, Perancis, Sepanyol, Jepun, Thailand, Taiwan, Australia, Singapura dan Belgium.

Hotel panda pertama

DI China, sebuah hotel bertemakan beruang panda pertama dibuka pada tahun lalu.


Hotel yang dikenali sebagai Haodu Panda itu mempunyai 32 buah bilik terdiri daripada bilik tunggal dan berkembar.

Hotel tersebut dibina untuk menarik kehadiran pelancong asing ke negara itu. Setiap bilik dilengkapi dengan barang seperti katil, meja dan lukisan yang bertemakan haiwan berwarna hitam putih itu.

Malah, pekerja hotel turut berpakaian seperti panda untuk melayan tetamu yang berkunjung ke situ.

Hotel tersebut merupakan hotel pertama di dunia yang menjadikan panda sebagai tema hiasan dalamannya.

“Saya harap semua hiasan dalam bertemakan beruang panda ini dapat membantu orang ramai kembali merasai seperti berada di alam semula jadi,” kata



HAODUO PANDA di China hotel pertama di dunia yang menjadikan panda sebagai tema hiasan dalamannya.

pengurus hotel tersebut.

Hotel berkenna terletak di kaki Gunung Emei, sebuah destinasi pelancongan popular di China selain berdekatan Pusat Pembiakan Panda di Chengdu yang merupakan pusat penempatan panda gergasi.

Harga bilik di hotel itu bermula dari 300 (RM154) sehingga 500 yuan (RM257) untuk penginapan selama satu malam.

Headline	Buluh betung Linggi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	01 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	11to13	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	2334 cm ²
Journalist	Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA	AdValue	RM 29,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,769



KANAK-kanak teruja melihat replika panda gergasi yang diletakkan di luar Pusat Konservasi Panda Gergasi di Zoo Negara.



RUANG dalam Pusat Konservasi Panda Gergasi di Zoo Negara yang menempatkan pasangan panda Fu Wa dan Feng Yi.

Headline	Buluh betung Linggi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	01 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	11to13	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	2334 cm ²
Journalist	Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA	AdValue	RM 29,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,769



KETEBALAN dinding buluh betung mencapai 5 sentimeter.



ABD. RAZAK



BULUH betung mampu menghasilkan rebung seberat 2 kilogram.

Headline	Buluh betung Linggi		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	01 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	227,666
Page No	11to13	Readership	682,998
Language	Malay	ArticleSize	2334 cm ²
Journalist	Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA	AdValue	RM 29,923
Frequency	Daily	PR Value	RM 89,769



MIANG berwarna coklat pada buluh betung hanya jelas kelihatan pada awal pertumbuhannya.